

D501

U B973 AAB
MAHATHIR - CHARLES

PETALING JAYA, 22 FEB (BERNAMA) -- MALAYSIA MEMBUAT BANTAHAN RASMI KEPADA PUTERA CHARLES BERHUBUNG DAKWAAN KONONNYA IA MELAKUKAN +PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI+ TERHADAP KAUM PENAN DI SARAWAK KERANA BIMBANG MASYARAKAT DUNIA AKAN MEMPERCAYAI TUDUHAN YANG DIBUAT OLEH SEORANG YANG MEMPUNYAI KEDUDUKAN TINGGI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA SEKIRANYA KENYATAAN ITU TIDAK DIPERBETULKAN, MASYARAKAT DUNIA MUNGKIN MEMPERCAYAINYA.

+KITA RASA TERSINGGUNG BUKAN KERANA TUDUHAN KONONNYA KITA MEMBALAK TERLALU SANGAT TETAPI KERANA (PUTERA CHARLES) BERKATA KITA TERLIBAT DENGAN PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI (GENOCIDE) ORANG PENAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEWARTAWAN MALAYSIA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA TUDUHAN ITU ADALAH TIDAK BENAR SAMA SEKALI.

LAPORAN AKHBAR SEMALAM MENYEBUT BANTAHAN ITU TERKANDUNG DALAM MAKLUMAN LENGKAP YANG DIKEMUKAKAN KEPADA PEJABAT HAL EHWAL LUAR DAN KOMANWEL BRITAIN OLEH SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI LONDON UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA ISTANA BUCKINGHAM. -- LAGI
1713MST 22 02 90

D502

U B974 AAB
MAHATHIR - CHARLES 2 PETALING JAYA

PUTERA CHARLES DILAPORKAN MEMBUAT KENYATAAN TERSEBUT KETIKA MEMBENTANGKAN SATU CERAMAH MENGENAI HUTAN TROPIKA DI HADAPAN PEMBELI BALAK, AHLI-AHLI SAINS DAN PENCINTA ALAM SEKITAR DI ROYAL BOTANIC GARDEN DI LONDON PADA 6 FEB LEPAS.

MENGENAI KEPUTUSAN BRITAIN UNTUK MENARIK BALIK SEKATAN EKONOMI TERHADAP REJIM AFRIKA SELATAN, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BERASA DUKACITA TERHADAP KEPUTUSAN ITU MESKIPUN IA ADALAH HAK BRITAIN SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERDAULAT.

MENURUTNYA, SEMEMANGNYA BRITAIN ADALAH SATU-SATUNYA NEGARA DI DUNIA YANG MENGECEUALIKAN DIRI BERHUBUNG PENDIRIAN TENTANG TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL TERHADAP AFRIKA SELATAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU DIJANGKA MENEMUI PEMIMPIN KULIT HITAM AFRIKA SELATAN, NELSON MANDELA, DI LUSAKA, ZAMBIA, UNTUK MENGETAHUI PERKEMBANGAN SEMASA SECARA LANGSUNG DAN APAKAH PERANAN YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH MALAYSIA UNTUK TERUS MEMBANTU PERJUANGAN PENDUDUK DI AFRIKA SELATAN.

KATANYA, BELIAU SEKALI LAGI MENERIMA PANGGILAN TELEFON DARIPADA PRESIDEN ZAMBIA, KENNETH KAUNDA, YANG MEMINTANYA TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN ANTARA PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA PERBATASAN DI SAMPING MERAIKAN NELSON MANDELA. -- LAGI
1715MST 22 02 90

D519

U B979 AAB
MAHATHIR - CHARLES 3 PETALING JAYA

KATANYA, PADA MULANYA BELIAU DIJEMPUT SEBAGAI MEWAKILI KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL TETAPI MEMANDANGKAN BELIAU SENDIRI TIDAK MENDAPAT MANDAT UNTUK BERBUAT DEMIKIAN, KEHADIRANNYA KELAK HANYA SEBAGAI KETUA KERAJAAN MALAYSIA.

TAMBAHNYA, BELIAU AKAN BERLEPAS KE LUSAKA SELEPAS MENGHADIRI UPACARA PERASMIAN PERSIDANGAN PARLIMEN ISNIN INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MEMPELAWA NELSON MANDELA MELAWAT MALAYSIA, PERDANA MENTERI BERKATA: +MUNGKIN PADA MASA AKAN DATANG APABILA BELIAU (MANDELA) KURANG SIBUK, KITA HARAP BELIAU DAPAT MELAWAT MALAYSIA.+

APABILA DIMINTA PANDANGAN BELIAU MENGENAI KEPUTUSAN SULTAN SELANGOR BERKENAN MENGAMPUNKAN MENTERI BESAR SELANGOR, TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB DAN MEMBERI SEMULA GELARAN +DATUK+ KEPADA MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, ENCIK LEE KIM SAI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SUKACITA MENDENGAR KHABAR ITU DAN MENYAMBUK BAIK KEPUTUSAN TERSEBUT.

KEPUTUSAN ITU MEMBUKTIKAN SIFAT BAGINDA YANG MEMBUAT PERTIMBANGAN BERDASARKAN PANDANGAN YANG WARAS, KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA BELIAU TIDAK NAMPAK APA-APA KEPENTINGAN POLITIK EKORAN ITU.

-- LAGI

1748MST 22 02 90

D520

U B980 AAB
MAHATHIR - CHARLES 4 PETALING JAYA

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MEMAINKAN APA-APA PERANAN DALAM HAL ITU DAN IA ADALAH HAK SULTAN SELANGOR UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN BERHUBUNG SEGALA ANUGERAHNYA.

PERDANA MENTERI ENGGAN MENGULAS MENGENAI KENYATAAN PEGUAMCARA NEGARA DATUK ABDUL AZIZ MOHAMAD BAHAWA TINDAKAN TIDAK AKAN DIAMBIL TERHADAP PEGUAM NEGARA TAN SRI ABDUL TALIB OTHMAN BERHUBUNG PEMUSNAHAN PITA VIDEO YANG DICURI DARIPADA KEDIAMAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT ENCIK D.P.VIJANDRAN.

+ITU BUDI BIGARA MEREKA. SAYA TIDAK ADA APA-APA KOMEN,+ KATANYA.

-- BERNAMA

1749MST 22 02 90